

BANTUAN **RM750,000**

■ 1,561 keluarga terjejas banjir terima RM500 dalam tempoh dua minggu

Oleh Zatul Iffah Zokipli
zatuliffah@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Kerajaan negeri memperuntukkan bantuan wang ihsan RM750,000 untuk diagihkan kepada 1,561 keluarga membabitkan 6,255 mangsa yang terbabit dalam banjir, baru-baru ini.

Menteri Besar Datuk Ahmad Razif Abd Rahman berkata, setiap keluarga menerima RM500 sumbangan kerajaan negeri dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

Katanya, peruntukan itu diagihkan di pusat pemindahan di lima daerah iaitu Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut.

"Bantuan itu diharapkan meringankan beban mangsa yang berdepan bencana itu. Bagaimanapun,

selain bantuan kerajaan negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga menyalurkan sumbangan sama kepada semua mangsa.

"Bayaran dibuat berdasarkan senarai nama keluarga mangsa yang berdaftar di semua pusat pemindahan," katanya pada sidang media selepas taklimat banjir dikendalikan oleh MKN Terengganu, di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Banjir besar yang melanda negeri ini terutama di daerah Kuala Nerus dan mukim Gong Badak, Khamis lalu turut menyaksikan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) cuti darurat sehari berikutan

kawasan sekitar universiti itu dinaiki air sehingga satu meter.

Kemuncak banjir itu menyaksikan lebih 6,000 mangsa dipindahkan ke 54 pusat pemindahan di Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut.

Bagaimanapun, kebanyakan mangsa sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan cuaca cerah sejak kelmarin.

Ahmad Razif berkata, kerajaan negeri juga mengkaji bentuk bantuan lain yang diperlukan oleh keluarga mangsa seperti keperluan persekolahan anak.

Mengenai banjir yang menyebabkan Gong Badak lumpuh, beliau

berkata, ia berlaku disebabkan hujan pada Jumaat lalu sehingga 560 mililiter (ml) berbanding kadar purata, 400 ml sebulan, malah berterusan dalam tempoh 24 jam.

Katanya, kejadian hujan lebat itu juga adalah kali kedua berlaku selepas 1988 yang menyaksikan negeri ini menerima hujan sehingga 600 ml dalam masa 24 jam sehingga menyebabkan berlaku banjir.

"Bagaimanapun, saya mengakui antara punca lain berlaku banjir besar di daerah Kuala Nerus itu adalah faktor sistem perparitan dan takungan air tidak sempurna.

"Kami sudah mengenal pasti beberapa kawasan khususnya sekitar Gong Badak untuk diperbaiki sistem perparitannya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat," katanya.

FAKTA
Bayaran dibuat berdasarkan senarai nama keluarga mangsa berdaftar di pusat pemindahan



TABUNG BENCANA

NSTP media prima

Bantuan mangsa-mangsa banjir

Sumbangan boleh diarahkan terus ke akaun Maybank atau cek atau nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima dan dihantar ke Jabatan Komunikasi Korporat Pengkalan Media Prima Berhad, Tingkat 1, Anjung Niaga, Balai Berita, 31 Jalan Niaga, 50100 Bangsar, Kuala Lumpur atau pejabat cawangan NSTP/Media Prima di seluruh negara.

Akaun Maybank:
5141-0532-0757

HARIAN METRO 23/11/2014